

**TERMA DAN SYARAT KAD KREDIT HONG LEONG BANK INFINITE EDISI DOKTOR**

(English Version)

Dikemas Kini pada 22 Mei 2025

Terma dan Syarat ("**T&S**") Kad Kredit Hong Leong Bank Infinite Edisi Doktor di bawah ini hendaklah dibaca bersama Perjanjian Pemegang Kad ("**Perjanjian**") Hong Leong Bank Berhad ("**HLB**"). Selain daripada variasi yang dinyatakan di bawah, semua terma dan syarat Perjanjian hendaklah diterima pakai. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara terma dan syarat Perjanjian dengan terma dan syarat T&S ini, T&S ini hendaklah diutamakan setakat mana yang berkenaan dengan Kad (seperti yang ditakrifkan di sini). Dengan menerima Kad ini, Pemegang Kad (seperti yang ditakrifkan di sini) bersetuju untuk terikat dengan T&S ini dan terma dan syarat Perjanjian.

**1. Takrifan:**

- (a) "**Kad**" bermaksud Kad Kredit Hong Leong Bank Infinite Edisi Doktor yang dikeluarkan oleh HLB dan termasuk kad tambahan, jika berkenaan.
- (b) "**Akaun Kad**" bermaksud akaun Pemegang Kad Utama dengan HLB yang dibuka berkenaan dengan Kad.
- (c) "**Pemegang Kad**" bermaksud individu yang namanya tertera pada Kad sama ada "**Pemegang Kad Utama**" dan/atau "**Pemegang Kad Tambahan**" melainkan dinyatakan sebaliknya.
- (d) "**Transaksi yang Layak**" bermaksud untuk tujuan Program ini, pembelian apa-apa barangan atau perkhidmatan di dalam negara atau luar negara yang telah dilakukan dengan atau dicaj kepada Kad tetapi TIDAK TERMASUK (senarai di bawah ini tidak lengkap dan HLB berhak menentukan sama ada transaksi itu terangkum dalam takrif Transaksi yang Layak):
  - (i) pengeluaran tunai melalui apa-apa cara (iaitu Mesin Juruwang Automatik, kaunter, kuasi tunai, pendahuluan tunai dsb.);
  - (ii) produk-produk portfolio seperti Pindahan Baki ("**BT**"), *Quick Cash* ("**QC**") dan Pelan Bayaran Fleksi ("**FPP**");
  - (iii) JomPay dan transaksi berkaitan kerajaan;
  - (iv) Transaksi FPX;
  - (v) pelan perlindungan kad;
  - (vi) transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang;
  - (vii) Transaksi *QR Pay* melalui *HLB Connect App*;
  - (viii) apa-apa bentuk fi perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan (jika berkenaan), seperti mana ditentukan oleh HLB dari semasa ke semasa; dan/atau
  - (ix) *DuitNow AutoDebit*.
- (e) "**Enrich**" bermaksud program penerbangan kerap yang dikendalikan oleh MAS.
- (f) "**Ahli Enrich**" bermaksud mana-mana individu yang diiktiraf oleh MAS, menurut budi bicara mutlak, sebagai ahli *Enrich*.
- (g) "**Enrich Points**" bermaksud kiraan kredit (dalam *points*) yang dianugerahkan oleh MAS kepada Ahli *Enrich*..
- (h) "**HLB Connect App**" bermaksud Perbankan Mudah Alih Hong Leong Connect.
- (i) "**MAS**" bermaksud Malaysian Airlines System Berhad (No. Syarikat: 10601-W).

- (j) **"Peniaga"** bermaksud individu, firma atau syarikat yang terlibat dalam perniagaan menjual dan membekalkan barangan dan/atau perkhidmatan.
- (k) **"Pemegang Kad Utama"** bermaksud Pemegang Kad utama yang kepadanya Kad dikeluarkan oleh HLB.
- (l) **"Ulang Tahun Kad"** bermaksud tarikh ulang tahun pengeluaran Kad.
- (m) **"Program"** bermaksud program Hong Leong Bank Infinite *Enrich Points* dan termasuk apa-apa perubahan atau pindaan kepada program itu seperti mana yang mungkin dibuat oleh HLB dari semasa ke semasa, menurut budi bicaranya.
- (n) **"Transaksi QR Pay"** bermaksud transaksi runcit dibuat melalui *HLB Connect App* menggunakan *HLB QR Pay*.
- (o) **"RM"** atau **"Ringgit"** bermaksud Ringgit Malaysia.
- (p) **"Pemegang Kad Tambahan"** bermaksud individu yang kepadanya Kad Tambahan dikeluarkan oleh HLB berikutan permohonan oleh Pemegang Kad Utama.

Melainkan konteks menghendaki sebaliknya, perkataan dan ungkapan sebagaimana ditakrif atau ditafsirkan dalam Perjanjian hendaklah pengertian yang sama apabila digunakan atau dirujuk disini dan perkataan yang merujuk jantina lelaki akan termasuk jantina perempuan dan perkataan yang merujuk bilangan tunggal akan termasuk bilangan jamak dan begitu juga sebaliknya.

2. Program ini ditawarkan kepada Pemegang Kad Utama dan tertakluk kepada terma dan syarat berikut dan terma dan syarat Perjanjian.
3. Bagi melayakkan diri untuk menerima *Enrich Points*, Pemegang Kad Utama mestilah Ahli *Enrich* yang berdaftar dengan MAS dan Akaun Kad mestilah sah/aktif, berkedudukan baik, tidak berstatus delikuen dan tidak melanggar mana-mana T&S ini dan terma dan syarat Perjanjian ("**Pemegang Kad Utama Layak**"). Kelayakan akan dibatalkan jika Pemegang Kad Utama telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan Akaun Kad dan/atau apa-apa kemudahan atau perkhidmatan lain yang disediakan oleh HLB.
4. Sekiranya Pemegang Kad Utama bukan Ahli *Enrich* berdaftar pada masa permohonan Kad, maka Pemegang Kad Utama dengan ini membenarkan dan memberi keizinan kepada HLB untuk mendedahkan maklumat peribadi Pemegang Kad Utama kepada MAS untuk memudahkan permohonan Pemegang Kad Utama mendaftar sebagai Ahli *Enrich* dengan MAS. Maklumat peribadi yang akan didedahkan oleh HLB adalah termasuk nama, nombor kad pengenalan, nombor pasport, alamat, tarikh lahir, alamat emel, nombor telefon sebagaimana diperlukan oleh MAS untuk memproses permohonan Pemegang Kad Utama sebagai Ahli *Enrich*.
5. *Enrich Points* yang dianugerahkan kepada Pemegang Kad Utama Layak adalah berdasarkan jumlah amaun Transaksi yang Layak dalam Ringgit tercatat yang dibuat dengan Kad dan dikumpulkan setiap hari berdasarkan setiap transaksi dan digenapkan kepada kiraan *Enrich Points* yang terhampir seperti berikut:

**Jadual 1**

Transaksi yang Layak	Kad Kategori Peniaga (MCC), Peniaga dan/atau Transaksi Yang Layak	Transaksi Tempatan	Transaksi Luar Negara	Had Bulanan
Jamu Selera	<ul style="list-style-type: none"> <li>MCC: 5811/5812/5814</li> </ul>	RM1 = 1 Enrich Point	RM1 = 1 Enrich Point	Tanpa Had
Pelancongan	<ul style="list-style-type: none"> <li>MCC: 3000 to 3299/3501 to 3999/4511/4722 to 4723/7011 - Penerbangan, Penginapan, Agensi Pelancongan dan Operasi Pelancongan</li> </ul>	RM4 = 1 Enrich Point	RM4 = 1 Enrich Point	
Perbelanjaan Runcit	<ul style="list-style-type: none"> <li>MCC: 5309/5311/5611/5621/5631/5641/5651/5655/5661/5691/5699/5977 - Kedai Pakaian dan Aksesori, dan/atau Gedung Serbaneka etc</li> </ul>	RM4 = 1 Enrich Point	RM4 = 1 Enrich Point	
Perbelanjaan Lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua Kod Kategori Peniaga (MCC), Peniaga dan/atau Transaksi yang Layak</li> </ul>	RM6 = 1 Enrich Point	RM6 = 1 Enrich Point	

Perolehan *Enrich Points* adalah mengikut kadar yang ditentukan oleh HLB dan HLB berhak mengubah kadar, setelah memberi notis awal, yang berdasarkan *Enrich Points* akan dianugerahkan dari semasa ke semasa menurut budi bicara mutlak.

- Enrich Points* yang diperolehi oleh Pemegang Kad Tambahan akan dikreditkan kepada Akaun Kad Pemegang Kad Utama Layak. Jumlah *Enrich Points* yang diperolehi secara kolektif oleh Pemegang Kad akan tertera dalam penyata akaun Kad bulanan Pemegang Kad Utama Layak dan akan dikreditkan kepada akaun *Enrich* Pemegang Kad Utama Layak dengan MAS.
- Enrich Points* yang diperolehi seperti mana dibentangkan dalam Fasal 6 di atas akan dikreditkan ke dalam akaun *Enrich* Pemegang Kad Utama Layak dengan MAS. Bagi mengelakkan keraguan, hanya *Enrich Points* yang telah dikreditkan ke dalam akaun *Enrich* Pemegang Kad Utama Layak dengan MAS boleh ditebus oleh Pemegang Kad Utama Layak.
- HLB akan sebaiknya berusaha untuk memastikan *Enrich Points* dikreditkan kepada akaun *Enrich* Pemegang Kad Utama Layak dengan MAS pada akhir bulan kalendar berikutan tarikh penyata yang berkaitan dengan Kad. Akan tetapi HLB mungkin akan mengubah tarikh dan kekerapan pengkreditan *Enrich Points* menurut budi bicaranya setelah memberi notis awal. HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan dan/atau kecaciran dalam memproses dan mengkredit *Enrich Points* ke dalam akaun *Enrich* Pemegang Kad Utama Layak dengan MAS.

9. *Enrich Points* yang dikreditkan ke dalam akaun *Enrich* Pemegang Kad Utama Layak dengan MAS hanya boleh digunakan bagi penebusan yang dibuat di bawah program *Enrich* tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh MAS dan sepertimana mungkin akan dipinda dari semasa ke semasa.
10. *Enrich Points* yang diperolehi tidak mempunyai nilai tunai atau kewangan. Kecuali dinyatakan sebaliknya, *Enrich Points* yang diperolehi tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana orang lain atau pihak atau entity ketiga, juga tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau kredit.
11. HLB berhak atas budi bicaranya, pada bila-bila masa dan setelah memberi notis awal dan tanpa liabiliti kepada Pemegang Kad untuk menggantung selama tempoh masa yang tak pasti, membatalkan dan/atau menamatkan atau mengubah Program. Tanpa menghadkan keluasan maksud peruntukan-peruntukan sebelum ini; HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap Pemegang Kad atas penggantungan, pembatalan atau penamatan Program atau apa-apa manfaat yang disediakan di bawahnya sekiranya MAS menarik balik atau memansuhkan apa-apa manfaat atau tawaran yang dibuat di bawah Program, termasuk pembatalan, penggantungan, penarikan balik dan/atau pindaan *Enrich* dengan apa-apa cara yang memudaratkan HLB dan/atau Pemegang Kad. Semasa promosi istimewa atau tempoh jualan, MAS dan HLB berhak, setelah memberi notis awal kepada Pemegang Kad, untuk menggantung kesemua atau mana-mana manfaat yang disediakan di bawah Program.
12. Pemegang Kad Utama Layak perlu menghubungi MAS dan berurus langsung dengan MAS berhubung dengan penebusan *Enrich Points* atau apa-apa kemusykilan atau pertikaian berkaitan dengan akaun *Enrich* Pemegang Kad Utama Layak. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan atas apa-apa tindakan atau keciciran di pihak MAS berkenaan dengan *Enrich*, termasuk tetapi tidak terhad kepada penebusan *Enrich Points* oleh Pemegang Kad Utama Layak.
13. Jika Kad Pemegang Kad Utama Layak dibatalkan atau ditamatkan sama ada oleh Pemegang Kad Utama Layak atau HLB, maka Pemegang Kad Utama Layak tidak akan berhak mendapat *Enrich Points* yang diperolehi atas Transaksi yang Layak yang dilakukan dengan Kad yang belum dikreditkan ke dalam akaun *Enrich* Pemegang Kad Utama Layak dengan MAS biarpun *Enrich Points* yang diperolehi itu mungkin telah tercatat dalam penyata akaun Pemegang Kad Utama Layak. *Enrich Points* sedemikian yang diperolehi akan secara automatik dibatalkan dan/atau dilupus apabila Kad dibatalkan/ditamatkan. Jika Kad Pemegang Kad digantung sementara, maka *Enrich Points* yang diperolehi atas Transaksi yang Layak yang dilakukan dengan Kad yang belum dikreditkan ke dalam akaun *Enrich* Pemegang Kad Utama Layak dengan MAS tidak akan dikreditkan ke dalam akaun *Enrich* Pemegang Kad Utama Layak dengan MAS tetapi akan tetap dan terus terkumpul ("**Enrich Points Terkumpul**"). *Enrich Points* Terkumpul tersebut hanya akan dikreditkan ke dalam akaun *Enrich* Pemegang Kad Utama Layak apabila penggantungan itu ditarik balik. Sekiranya penggantungan itu tidak ditarik balik dan Kad dibatalkan atau ditamatkan, maka *Enrich Points* Terkumpul tersebut akan dilupuskan dan Pemegang Kad Utama Layak tidak akan mendapat bantuan HLB atau MAS berkenaan dengan *Enrich Points* Terkumpul yang dilupuskan itu.

14. Sekiranya ada Transaksi yang Layak perlu dibalikkan atau dibatalkan pada Kad yang mana akan ditentukan menurut budi bicara mutlak HLB tanpa melibatkan apa-apa liabiliti di pihak HLB, maka HLB berhak atas budi bicara mutlaknya sama ada untuk:
  - (a) Meminta MAS supaya mendebit akaun *Enrich* Pemegang Kad Utama Layak bagi *Enrich Points* berkenaan yang diperoleh daripada Transaksi yang Layak berkenaan perlu dibalikkan atau dibatalkan; atau
  - (b) Mendebit Akaun Kad Pemegang Kad Utama Layak bagi *Enrich Points* yang diperoleh daripada Transaksi yang Layak perlu dibalikkan atau dibatalkan berdasarkan kadar penukaran yang ditentukan oleh HLB menurut budi bicaranya, jika *Enrich Points* yang diperoleh daripada Transaksi yang Layak tersebut telah pun ditebus oleh Pemegang Kad Utama Layak.
15. Penyata bulanan yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad yang berkenaan dengan Kad Kredit hendaklah mengikut Klausu 15 Perjanjian. Klik [sini](#) untuk terma dan syarat Klausu 15 Perjanjian.
16. Terma dan syarat di dalam dokumen ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
17. HLB berhak setelah memberi notis awal untuk mengubah (sama ada melalui penambahan, pengguguran, pengubahsuaian, pindaan ataupun sebaliknya) ("**Pindaan**") mana-mana terma dan syarat ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, menukar dan/atau menarik balik Program atau menukar penyedia perkhidmatan daripada MAS kepada penyedia perkhidmatan yang serupa. Pemberitahuan kepada Pemegang Kad berkenaan Pindaan itu akan dilaksanakan mengikut cara yang ditetapkan oleh HLB di dalam Perjanjian.
18. Keputusan HLB atas segala hal berkaitan dengan Program, termasuk penentuan *Enrich Points* adalah muktamad dan mengikat.

### **Insurans**

19. Pemegang Kad Utama akan menikmati perlindungan insurans Kemalangan dan Kesulitan Perjalanan percuma sehingga Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000) untuk Pemegang Kad Utama dan sehingga Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000) secara agregat untuk keluarga Pemegang Kad Utama apabila Pemegang Kad Utama mengenakan tambang penerbangannya kepada Kad, tertakluk kepada terma dan syarat [[Polisi Kemalangan Peribadi Insurans Perjalanan Automatik -Infinite](#)].
20. Insurans ini disediakan oleh MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ("**MSIG**"). Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan MSIG di 1-800-88-6744/ 1-800-88-6163.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat dan/atau memerlukan salinan terma dan syarat dalam versi Bahasa Malaysia, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my) atau hubungi 03-76268899.

**TERMA DAN SYARAT PROGRAM PLAZA PREMIUM LOUNGE KAD KREDIT HONG LEONG BANK INFINITE EDISI DOKTOR**

Dikemas Kini pada 22 Mei 2025

Terma dan syarat ("**T&S**") di bawah ini hendaklah dibaca bersama Perjanjian Pemegang Kad Hong Leong Bank Berhad ("**Perjanjian**") dan Terma dan Syarat Kad Kredit ("**Kad**") Hong Leong Bank ("**HLB**") Infinite Edisi Doktor ("**Terma dan Syarat Kad**").

**KELAYAKAN**

1. Takrif
  - (a) "**Akaun Kad**" bermaksud akaun Pemegang Kad Utama yang dibuka bagi Kad dengan HLB.
  - (b) "**Ulang Tahun Kad**" bermaksud tarikh ulang tahun pengeluaran Kad.
  - (c) "**HLB Connect App**" bermaksud Perbankan Mudah Alih *Hong Leong Connect*.
2. Lawatan ke mana-mana lounge lapangan terbang yang mengambil bahagian di Malaysia dan Singapura ("**Plaza Premium Lounges**") yang diuruskan oleh *Plaza Premium Lounge Malaysia Sdn Bhd* ("**Plaza Premium**") di bawah program *Plaza Premium* ("**Lawatan**") hanya ditawarkan kepada pemegang kad utama ("**Pemegang Kad Utama**").
3. Setiap Pemegang Kad Utama berhak untuk maksimum empat (4) kali Lawatan setahun. Lawatan akan tersedia kepada Pemegang Kad Utama selepas Kad dikeluarkan dan seterusnya satu (1) bulan selepas setiap Tarikh Ulang Tahun Kad.
4. Untuk membolehkan Pemegang Kad Utama masuk ke *Plaza Premium Lounges*, Pemegang Kad Utama dikehendaki menunjukkan Kad sah mereka dan pas naik pesawat.
5. Lawatan hanya boleh dilakukan ke *Plaza Premium Lounges* yang terdapat di Malaysia dan di Singapura sahaja.
6. Lawatan adalah dibuka untuk Pemegang Kad Utama sahaja. Pemegang Kad Tambahan dan/atau tetamu Pemegang Kad Utama akan dikenakan caj tetamu selaras dengan fi yang ditetapkan oleh *Plaza Premium* dan sepertimana akan dipinda dari semasa ke semasa.

**UMUM**

7. Pemegang Kad Utama dengan ini membenarkan HLB untuk mendedahkan data peribadi Pemegang Kad Utama, termasuk nama Pemegang Kad Utama, nombor Kad, status Kad dan tarikh luput Kad kepada *Plaza Premium* untuk membolehkan Pemegang Kad Utama menikmati Lawatan.
8. HLB tidak mewakili atau memberi jaminan berkenaan *Plaza Premium Lounges* dan/atau perkhidmatan serta kemudahan yang disediakan oleh *Plaza Premium* ("**Kemudahan dan Perkhidmatan Lounge**") dan terutamanya, tidak membuat sebarang jaminan berkenaan kualiti *Plaza Premium Lounges* dan Kemudahan dan Perkhidmatan Lounge atau kesesuaiannya bagi apa-apa tujuan, begitu juga HLB tidak bertanggungjawab kepada Pemegang Kad dan/atau tetamu Pemegang Kad atas apa-apa tindakan atau kecikiran *Plaza*

*Premium* berkaitan dengan *Plaza Premium Lounge* dan/atau Kemudahan dan Perkhidmatan Lounge.

9. Akaun Kad Pemegang Kad Utama MESTILAH sah/aktif, berkedudukan baik, MESTI TIDAK berstatus delinkuen dan MESTI TIDAK melanggar mana-mana terma dan syarat Perjanjian serta Terma dan Syarat Kad dan T&S ini semasa Pemegang Kad Utama menikmati Lawatan.
10. Dengan menggunakan Lawatan ini, Pemegang Kad Utama mengakui dia telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan T&S ini dan apa-apa keputusan *Plaza Premium* berhubung dengan *Plaza Premium Lounges* dan Kemudahan dan Perkhidmatan Lounge adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad.
11. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab atas sebarang pertikaian yang mungkin berlaku antara Pemegang Kad Utama dan/atau tetamu Pemegang Kad Utama (termasuk Pemegang Kad Tambahan) mengikut mana yang berkenaan, dengan *Plaza Premium* dan/atau pengendali lounge yang menyertai program *Plaza Premium Lounge*. HLB juga tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul atau ditanggung oleh Pemegang Kad dan/atau tetamu Pemegang Kad berkaitan dengan sebarang Lawatan ke lounge disebabkan oleh sebarang kejadian luar kawalan HLB
12. *Plaza Premium Lounge* serta Kemudahan dan Perkhidmatan Lounge adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh *Plaza Premium*. Terma dan syarat penggunaan *Plaza Premium Lounge* adalah tertakluk kepada perubahan oleh *Plaza Premium* dan perubahan tersebut akan disiarkan dalam laman web *Plaza Premium* di [www.plazapremiumlounge.com/en-uk](http://www.plazapremiumlounge.com/en-uk)
13. Baik Pemegang Kad mahupun tetamu Pemegang Kad tidak dibenarkan berkomunikasi secara terus dengan pihak pengendali mana-mana lounge yang menyertai program *Plaza Premium Lounge* tentang apa jua hal mengenai program akses lounge eksekutif lapangan terbang yang disediakan di bawah program *Plaza Premium Lounge*. Apa-apa kemusykilan, aduan, permohonan bantuan dan hal-hal berkenaan *Plaza Premium Lounge* dan/atau Kemudahan dan Perkhidmatan Lounge hendaklah dibawa kepada perhatian kakitangan pentadbiran *Plaza Premium* sahaja dan kakitangan tersebut bertugas untuk merungkaikan masalah dan memberi penjelasan kepada penanya dalam tempoh masa yang munasabah dari masa dihubungi. Kakitangan pentadbiran *Plaza Premium* boleh dihubungi melalui emel di alamat [sales.my@plazapremiumgroup.com](mailto:sales.my@plazapremiumgroup.com) atau telefon +603 8787 2323.
14. Pemegang Kad dan/atau tetamu Pemegang Kad tidak akan mempertanggungjawabkan HLB dan/atau *Plaza Premium* atas (i) apa-apa kerugian langsung atau tidak langsung yang berbangkit sekiranya mana-mana lounge lapangan terbang (termasuk tetapi tidak terhad kepada *Plaza Premium Lounges*) menutup perniagaan atau berhenti menyertai program *Plaza Premium Lounge* pada bila-bila masa; dan/atau (ii) apa-apa kerugian atau kecederaan yang dialami oleh Pemegang Kad dan/atau tetamu Pemegang Kad ketika berada di dalam mana-mana lounge yang mengambil bahagian dalam program *Plaza Premium Lounge* (termasuk tetapi tidak terhad kepada *Plaza Premium Lounges*) pada bila-bila masa disebabkan oleh sebarang kejadian luar kawalan munasabah HLB dan/atau *Plaza Premium*.

15. Pemegang Kad Utama akan berhenti menikmati Lawatan jika HLB membatalkan atau tidak memperbaharui Kad Pemegang Kad Utama dan/atau program *Plaza Premium*. Pemegang Kad akan menanggung kos segala lawatan lounge yang dibuat oleh Pemegang Kad dan mana-mana tetamu Pemegang Kad selepas pembatalan atau luputnya tempoh Kad dan/atau program *Plaza Premium Lounge*.
16. HLB tidak berkewajipan dan tidak akan dipertanggungjawabkan untuk menentukan ketepatan maklumat yang diberikan dalam apa jua buku panduan, dokumen, rekaan atau lukisan atau bahan komunikasi lain yang dibekalkan oleh *Plaza Premium Lounge*.
17. HLB hanya akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad, sebagai akibat langsung daripada kecuaiannya. HLB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah secara tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas berkaitan dengan program Plaza Premium, meskipun Bank telah terlebih dahulu diberitahu akan kemungkinan ganti rugi sedemikian, dan segala ganti rugi sedemikian adalah nyata dikecualikan.
18. Pemegang Kad hendaklah membayar balik dan membayar HLB atas tuntutan bertulis HLB semua tuntutan, kerugian, kos (termasuk kos undang-undang yang munasabah), kerosakan dan perbelanjaan yang ditanggung oleh HLB yang timbul daripada pelanggaran, pelanggaran dan/atau kegagalan Pemegang Kad atau tetamu Pemegang Kad untuk mematuhi Syarat Penggunaan seperti yang ditetapkan oleh *Plaza Premium* dan T&S ini.
19. HLB berhak, setelah memberi notis awal, untuk mengubah (sama ada melalui penambahan, pengguguran, pengubahsuaian, pindaan atau sebaliknya) mana-mana terma dan syarat di dalam ini, termasuk menukar atau menarik balik program *Plaza Premium Lounge* secara keseluruhan ("**Pindaan**"). Pemberitahuan kepada Pemegang Kad berkenaan Pindaan hendaklah dilaksanakan menurut cara yang ditetapkan oleh HLB dalam Perjanjian.
20. Tafsiran:
  - (a) Melainkan konteks menghendaki sebaliknya, perkataan dan ungkapan yang berhuruf besar akan mempunyai pengertian sama seperti ditakrif dalam Perjanjian dan Terma dan Syarat Kad melainkan ditakrif secara khusus dalam T&S ini.
  - (b) Perkataan yang merujuk jantina lelaki akan termasuk jantina perempuan dan/atau jantina neutral dan begitu juga sebaliknya.
  - (c) Perkataan yang merujuk bilangan tunggal akan termasuk bilangan jamak dan begitu juga sebaliknya.
21. Jika terdapat percanggahan, pertentangan, kesamaran atau ketakselarian antara Terma dan Syarat Kad dengan T&S ini, maka T&S ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan, pertentangan, kesamaran atau ketakselarian tersebut.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat dan/atau memerlukan salinan terma dan syarat dalam versi Bahasa Malaysia, anda boleh mendapatkan



penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my) atau hubungi 03-76268899.